



PUBLIC WORK DEPARTMENT
MALAYSIA

**KURSUS PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN
KONTRAK 203N
(SUBKONTRAKTOR DINAMAKAN)**



KANDUNGAN

- PENDAHULUAN
- PENAMAAN NSC
- PERHUBUNGAN KONTRAK ANTARA NSC, KONTRAKTOR UTAMA DAN KERAJAAN
- MEMULAKAN KERJA, POLISI INSURANS & BON PELAKSANAAN
- BAYARAN KEPADA NSC
- LANJUTAN MASA & KELEWATAN KONTRAK
- PENYERAHAN KERJA & KECACATAN NSC
- PENAMATAN & TINDAKAN SELEPAS PENAMATAN NSC

PENDAHULUAN

- Subkontraktor Dinamakan (NSC) diperuntukan dalam kontrak utama dalam bentuk Wang Kos Prima (WKP).
- Pegawai Penguasa (P.P.) boleh membelanjakan WKP tersebut dengan memperolehi NSC dan menamakan NSC tersebut kepada kontraktor utama (MC).
- Apabila NSC dinamakan oleh P.P., MC perlulah memasuki subkontrak dengan NSC. Maka wujudlah satu ikatan subkontrak di antara NSC dengan MC.
- MC adalah bertanggung jawab terhadap pelaksanaan NSC berkaitan dengan kemungkiran-kemungkiran NSC sama seperti tanggung jawab MC terhadap subkontraktor domestiknya.
- Dengan itu pihak Kerajaan tidak mempunyai ikatan kontrak dengan NSC dan juga tidak bertanggung jawab terhadap kemungkiran NSC dalam pelaksanaan subkontraknya.

PENAMAAN NSC

- P.P. hendaklah menyediakan dan mengemukakan borang-borang JKR 203N1 – JKR 203N7 kepada kontraktor dan NSC.
- Bagi menamakan NSC kepada MC, borang JKR 203N3 hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada MC dengan menyatakan harga subkontrak serta **tempoh memulakan kerja** melalui perintah rasmi MC kepada NSC.
- Dalam pada masa yang sama **tempoh subkontrak** hendaklah dinyatakan.
- Sering terdapat masalah di mana tempoh memulakan subkontrak tidak dinyatakan dan sekiranya ini berlaku adalah dikhuatiri masa bagi subkontrak tidak lagi menjadi teras dan akan menyebabkan penyiapan subkontrak tidak berlaku dalam tempoh yang munasabah (*time is at large*).

PERHUBUNGAN KONTRAK DI ANTARA NSC, KONTRAKTOR UTAMA DAN KERAJAAN

- Meskipun pihak Kerajaan yang memperolehi tender NSC dan menamakannya kepada MC, ikatan subkontrak hanya wujud di antara MC dengan NSC. (Doktrin priviti kontrak).
- Maka apa-apa kemungkiran NSC adalah merupakan tanggung jawab penuh MC dan tidak melibatkan Kerajaan.
- Dalam hal ini juga apa-apa arahan berkaitan melaksanakan subkontrak NSC hendaklah dikeluarkan oleh P.P. kepada MC.
- Begitu juga berkaitan dengan PHK, KKS dan SoFA, hendaklah dikemukakan kepada dan ditandatangani oleh MC.
- Adalah menjadi tanggung jawab MC untuk berunding dengan NSC sebelum ia bersetuju menandatangani PHK, KKS dan SoFA.



MEMULAKAN KERJA, POLISI INSURANS & BON PELAKSANAAN

BON PELAKSANAAN

- NSC hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan hanya dalam bentuk Jaminan Bank atau Insurans atau dalam bentuk Deraf Bank kepada kontraktor utama.
- Bon Pelaksanaan tersebut hendaklah meliputi tempoh subkontrak dan hendaklah terus berkuatkuasa sehingga 12 bulan selepas berakhirnya Tempoh Tanggungan Kecacatan atau apabila pengemukaan Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (PSMK) yang mana lebih terkemudian.
- Nilai Bon Pelaksanaan yang hendak dikemukakan adalah sebanyak 5% daripada nilai harga subkontrak.
- Penyemakan Bon Pelaksanaan dan juga rampasan (sekiranya berlaku) adalah di bawah tanggung jawab MC.
- Tiada peruntukan syarat-syarat subkontrak PWD 203N (Rev.1/2010) bagi NSC mengemukakan Wang Jaminan Pelaksanaan kepada kontraktor. Rujuk PK 4.2

BAYARAN WANG PENDAHULUAN

- Syarat-syarat PWD 203N (Rev.1/2010) tidak menyebut (silent) mengenai bayaran wang pendahuluan.
- Namun demikian, pihak Kerajaan melalui PK 4.1 memberi kemudahan kepada NSC untuk mendapat manfaat wang pendahuluan sehingga 20% daripada nilai kontrak NSC ATAU maksimum RM5 juta mengikut mana yang lebih rendah.
- Untuk tujuan ini satu peruntukan khas mengenai Bayaran Wang Pendahuluan berserta dengan perkiraan bayaran balik kepada Kerajaan hendaklah dimasukkan ke dalam syarat-syarat kontrak PWD 203N (Rev.1/2010).
- NSC hanya boleh memohon bayaran wang pendahuluan dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh memulakan kerja yang dinyatakan dalam Perintah Rasmi.

BAYARAN WANG PENDAHULUAN

- NSC juga perlu mengemukakan jaminan wang pendahuluan daripada Institusi Kewangan bersamaan dengan nilai wang pendahuluan.
- Bayaran balik hendaklah dibuat berdasarkan formula bayaran balik dan potongan hendaklah dibuat melalui setiap perakuan bayaran interim.
- Dalam keadaan di mana pengambilan kerja kontraktor atau pengambilan kerja NSC ditamatkan, P.P. hendaklah menuntut baki wang pendahuluan yang masih belum dibayar balik daripada penjamin berdasarkan jaminan wang pendahuluan.
- Sekiranya tempoh sah laku jaminan wang pendahuluan akan berakhir, maka P.P. boleh meminta NSC melanjutkan tempoh sah laku jaminan. Sekiranya NSC gagal maka P.P. hendaklah menuntut jaminan wang pendahuluan setakat baki yang masih belum lagi dibayar balik.
- Dalam apa-apa keadaan P.P. hendaklah menuntut jaminan wang pendahuluan tersebut dalam tempoh sah laku jaminan.

INSURANS

- Menurut syarat-syarat kontrak PWD 203N (Rev.1/2010) NSC hendaklah mengemukakan Insurans terhadap kecederaan diri dan hartanah yang melindungi Kerajaan, kontraktor utama dan NSC.
- Liputan insurans kecederaan diri dan kerosakan hartanah untuk skop kerja NSC adalah berbeza daripada skop kerja Kontraktor Utama
- Dalam hal ini NSC hendaklah mengemukakan polisi insurans berserta dengan bayaran resit premium kepada P.P. dan salinannya hendaklah diberikan kepada kontraktor.
- NSC tidak perlu mengambil insurans kerja oleh kerana liputan insurans tersebut sudah diambil kira di bawah perlindungan insurans dalam kontrak utama.
- Untuk tujuan itu NSC boleh menerima manfaat perlindungan insurans kerja di bawah kontrak utama sejajar dengan prinsip “subrogation clause”. Dalam hal ini NSC boleh menuntut insurans kerja terhadap syarikat insurans.

INSURANS

- Dalam hal ini adalah sekiranya NSC turut mengambil insurans kerja, maka akan wujud pertindihan dengan perlindungan insurans kerja di bawah kontrak utama.
- Perlulah diingatkan apa-apa tuntutan insurans yang hendak dibuat perlulah dibuktikan kerugian yang dialami terlebih dahulu. Ini adalah kerana jenis insurans yang diambil di bawah kontrak utama dan subkontrak merupakan satu insurans indemniti (menanggung nilai kerugian sahaja).
- Maka sekiranya terdapat dua insurans kerja yang diambil oleh kedua-dua kontraktor dan NSC namun tuntutan insurans hanya dihadkan kepada jumlah kerugian yang ditanggung oleh NSC sahaja.
- Sehubungan dengan itu adalah tidak perlu untuk NSC mengambil insurans kerja.

INSURANS PAMPASAN PEKERJA

- NSC hendaklah mengambil Insurans Pampasan Pekerja (WC) bagi melindungi Kerajaan, kontraktor dan NSC.
- Keperluan pengambilan WC adalah diwajibkan di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952.
- Dalam hal ini polisi insurans WC hendaklah didepositkan kepada Kerajaan dan salinannya kepada kontraktor.

PERKESO

- NSC hendaklah mendaftar para pekerjaanya dengan PERKESO dan hendaklah menanggung rugi Kerajaan berserta kontraktor.
- Dalam hal ini NSC hendaklah mengemukakan kod nombor dan memastikan para pekerjaanya yang berdaftar dengan PERKESO kepada P.P. dan juga kontraktor bagi projek tersebut.

The background of the slide features a warm, yellow-to-orange gradient. Overlaid on this are several interlocking gears of various sizes and colors, including shades of orange, red, and yellow. The gears are semi-transparent, allowing the background color to show through. At the bottom of the slide, there is a horizontal band with a black and yellow diagonal hazard stripe pattern.

BAYARAN KEPADA NSC

BAYARAN

- Menurut syarat-syarat kontrak utama PWD 203/203A (Rev.1/2010), Kerajaan boleh membayar secara terus kepada NSC dan bayaran tersebut adalah disifatkan dibuat kepada kontraktor utama.
- Dengan perkataan lain kontraktor membenarkan Kerajaan membayar secara terus kepada NSC bagi pihaknya.
- Sekiranya perakuan bayaran interim dikeluarkan kemudiannya penamatan pengambilan kerja kontraktor telah dilaksanakan tetapi bayaran tidak sempat dibayar kepada kontraktor dan NSC, namun demikian bayaran masih perlu dibuat setakat mana yang diperakukan melalui perakuan bayaran interim.
- Sebaliknya sekiranya penilaian telah dibuat tetapi penamatan pengambilan kerja telah dilaksanakan sebelum terkeluarnya Perakuan Bayaran Interim, Kerajaan tidak bertanggung untuk membuat apa-apa bayaran.

PENYERAHAN HAK

- Menurut syarat-syarat kontrak PWD 203N (Rev.1/2010) NSC tidak boleh menyerahkan faedah bayaran kepada mana-mana sub-subkontraktor atau pembekal tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada kedua-dua kontraktor dan P.P..
- Namun demikian tanggung jawab NSC bagi melaksanakan pelaksanaan subkontrak masih lagi kekal menurut syarat-syarat subkontrak.
- P.P. perlulah berhati-hati apabila memberi persetujuan secara bertulis oleh kerana persetujuan P.P. tersebut akan menambat pihak Kerajaan dengan sub-subkontraktor atau pembekal NSC.
- Apabila persetujuan bertulis diberi oleh P.P., secara lazimnya sub-subkontraktor atau pembekal NSC akan menyandarkan terhadap persetujuan tersebut dan ini akan mewujudkan satu perhubungan amanah di antara Kerajaan dengan sub-subkontraktor dan pembekal.

PENYERAHAN HAK

- Sehubungan dengan itu sekiranya terdapat kesilapan pembayaran oleh pihak Kerajaan atau sekiranya penamatan pengambilan kerja kontraktor dilaksanakan, namun sub-subkontraktor atau pembekal sebagai penerima hak masih mempunyai hak untuk menuntut bayaran setakat mana bayaran masih belum dibuat sebelum penamatan.
- Adalah dicadangkan sekiranya kemajuan kerja adalah terkebelakang dan prestasi projek tergulung sebagai projek sakit, maka adalah tidak wajar persetujuan diberikan berkaitan dengan permohonan penyerahanhak.
- Ini adalah kerana sekiranya projek ditamatkan, sub-subkontraktor atau pembekal masih boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap Kerajaan bagi mendapat bayaran yang masih belum dibayar oleh Kerajaan.



LANJUTAN MASA & KELEWATAN KONTRAK

LANJUTAN MASA

- Berdasarkan kepada syarat-syarat subkontrak PWD 203N (Rev.1/2010) NSC boleh diberikan lanjutan masa disebabkan arahan perubahan kerja, atau sebab-sebab lain yang membolehkan kontraktor utama diberikan lanjutan masa di bawah kontrak utama.
- NSC juga boleh diberi lanjutan masa yang disebabkan oleh tindakan atau pengurangan kontraktor berkaitan dengan pelaksanaan subkontrak.
- NSC hendaklah memohon lanjutan masa kepada kontraktor dan kemudiannya kontraktor hendaklah memaklumkan kepada P.P. berkaitan dengan permohonan NSC tersebut.
- Sekiranya kontraktor berpendapat NSC berhak kepada satu lanjutan masa, maka kontraktor hendaklah meluluskan lanjutan masa tersebut tetapi hendaklah mendapat persetujuan bertulis daripada P.P. terlebih dahulu.

LANJUTAN MASA

- Dalam hal ini P.P. hendaklah meluluskan lanjutan masa disebabkan kelewatan NSC sebagaimana yang dibenarkan dalam syarat-syarat kontrak utama PWD 203/203A (Rev.1/.2010) dalam keadaan di mana kelewatan adalah disebabkan oleh pihak Kerajaan dan disebabkan sebab-sebab neutral.
- Ada kalanya juga di mana kelewatan disumbangkan oleh kontraktor dan NSC. Dalam keadaan sedemikian Kerajaan masih berhak mengenakan LAD terhadap kontraktor.
- Sekiranya kontraktor tidak bersetuju keseluruhan LAD kepadanya sahaja, maka kontraktor hendaklah membuktikan kelewatan yang disumbangkan oleh NSC sebelum pengagihan LAD yang dikenakan dibuat terhadap kedua-dua kontraktor utama dan NSC.

LANJUTAN MASA

- Dalam keadaan di mana kontraktor yang melewati kemajuan kerja NSC, maka NSC bolehlah memohon dan mendapati lanjutan masa daripada kontraktor, tetapi perlulah mendapat persetujuan bertulis daripada P.P. terlebih dahulu.
- Dalam hal ini LAD masih perlu dikenakan oleh Kerajaan kepada kontraktor tetapi kontraktor tidak boleh mengenakan LAD kepada NSC.
- Sebelum LAD boleh dikenakan oleh kontraktor utama kepada NSC, satu Perakuan Kerja Tidak Siap (PKTS) bagi bahagian kerja NSC hendaklah dikeluarkan terlebih dahulu oleh P.P. di bawah kontrak utama.

SENARIO KELEWATAN KERJA NSC

Pihak Yang Melewatkan	Pihak yang diberikan EOT	Pihak yang dikenakan LAD	Tuntutan Balik LAD
Kerajaan/ Neutral Event	MC & NSC	Tiada	Tiada
Kontraktor Utama (MC)	NSC	MC	Tiada
NSC	Tiada	MC	MC dari NSC
MC & NSC	Tiada	MC	MC & NSC (pengagihan)



PENYERAHAN KERJA & KECACATAN NSC

KECACATAN KERJA NSC

- Apa-apa kecacatan kerja yang timbul daripada pelaksanaan kerja NSC hendaklah dibaiki oleh NSC dengan kosnya sendiri.
- Apabila P.P. memberi arahan kepada kontraktor untuk membaiki kecacatan berkaitan dengan kerja NSC, maka kontraktor hendaklah mengarahkan NSC untuk berbuat demikian dengan syarat NSC hendaklah membaikinya dalam tempoh 3 bulan daripada arahan kontraktor tersebut.
- Sekiranya NSC gagal membaiki kecacatan sebagaimana yang diarahkan oleh P.P., maka kontraktor hendaklah membaiki kecacatan tersebut dan apa-apa kos yang timbul hendaklah dibayar balik oleh NSC kepada kontraktor.
- Sebaliknya sekiranya NSC membaiki kerja-kerja kecacatan kontraktor utama, maka kontraktor utama hendaklah membayar balik kos pembaikan tersebut.



PENAMATAN & TINDAKAN SELEPAS PENAMATAN NSC

PENAMATAN NSC

- Syarat-syarat kontrak PWD 203N (Rev. 1/2010) membenarkan kontraktor menamatkan pengambilan kerja NSC sekiranya NSC memungkir tanggung jawab kontrak.
- Sebab-sebab kemungkiran NSC adalah sebagaimana yang diperuntukan di bawah syarat-syarat kontrak PWD 203N (Rev.1/2010).
- Namun demikian sebelum kontraktor utama menamatkan pengambilan kerja NSC, P.P. hendaklah memberi persetujuannya.
- Kesan penamatan pengambilan kerja NSC memberi hak kepada kontraktor merampas bon pelaksanaan.

PENAMATAN NSC

- Untuk menyiapkan baki kerja NSC, kontraktor bolehlah melantik subkontraktor yang berlainan atau dia sendiri menyiapkan baki kerja tersebut tanpa melibatkan apa-apa kos tambahan kepada Kerajaan.

The background features a warm yellow-to-orange gradient. Overlaid on this are several semi-transparent gears of various sizes, some in shades of orange and others in a lighter yellow. At the bottom of the image, there is a horizontal band with a black and yellow diagonal hazard stripe pattern.

**SEKIAN
TERIMA KASIH**